

TOPIK SERANGAN CYBERTERROR ANTI ISLAM DALAM FACEBOOK “MURTADS FROM MALAYSIA AND SINGAPORE”

THE TOPIC OF CYBERTERROR ANTI ISLAM IN FACEBOOK “MURTADS FROM MALAYSIA AND SINGAPORE”

Muhamad Faisal Ashaariⁱ, Siti Nazifatulhayat Yusoffⁱⁱ & Siti Maimunah Kahalⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). (Ph.D). Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). faisal@ukm.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). nazifah_89@yahoo.com.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL). maimunahkala89@yahoo.com

Abstrak

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadikan alam siber sebagai salah satu medium yang dinamik untuk menyerang Islam sehingga boleh mencederakan perasaan dan emosi. Ia boleh diklasifikasikan sebagai keganasan siber kerana kerosakan tetap berlaku biarpun dalam bentuk yang bukan fizikal. “Murtads in Malaysia and Singapore” merupakan salah satu Facebook yang boleh dikaitkan dengan keganasan siber kerana ia membuat serangan yang keterlaluan dalam pelbagai cara untuk memburukkan Islam. Kajian ini menganalisis topik serangan dalam Facebook itu yang boleh diklasifikasikan dengan “cyber terrorism” terhadap Islam. Dengan menggunakan analisis kandungan, kajian ini mengambil sampel sebanyak 168 posting bermula dari bulan Mac sehingga April 2013. Kajian mendapati topik “Islam mendorong keganasan” mendapat 3.6%, “hukum Islam kejam” memperoleh 19.0 %, “penghinaan terhadap Islam” mendapat 44.6%, “penghinaan terhadap Allah” sebanyak 20.8%, “penghinaan terhadap al-Quran” sebanyak 8.9% dan “penghinaan terhadap Rasulullah” sebanyak 3.0%.

Kata kunci: *Terrorism, Cyberterrorism, Murtad, Dakwah, Anti Islam.*

Abstract

The rapid growth of ICT establishes the cyberspace as a dynamic medium to attack Islam to the extent of hurting the feeling and emotion. This kind of attack can be classified as cyber terror because the damage were occurred even though it is in non-physical form. “Murtads in Malaysia and Singapore” is a page on Facebook that can be associated with cyber terrorism since it consists of excessive force in a variety of ways to discredit Islam. Thus, the main objective of this study is to examine the themes of attacks in this Facebook page that can be classified as “cyber terrorism”. This is a case study that uses the content analysis to analyse postings in this Facebook page. The sample consists of 168 postings from March until April 2013. The studies found that the topic of “Islam encourages terror” gets 3.6%, “the cruelty of the Islamic laws” gets 19%, “the humiliation on Islam” 44.6%, “the humiliation on Allah” gets 20.8%, “the humiliation on al-Quran” gets 8.9% and “the humiliation on Rasulullah” gets 3.0%.

Keywords: *Terrorism, Cyberterrorism, Apostate, Dakwah, Anti Islam.*

PENDAHULUAN

Interaksi di alam maya telah membuka ruang yang luas kepada interaksi intra-agama dan inter-agama. Ia berlaku bukan sahaja dalam suasana yang harmoni, malahan dalam bentuk yang keras dan beremosi sehingga mencapai tahap keganasan. Interaksi itu boleh dianggap sebagai ganas apabila ia boleh menggugat keamanan alam maya, menimbulkan salah faham dan perbalahan di antara komuniti maya termasuklah apabila ia mengancam keselamatan kepada komuniti alam realiti. Sungguhpun serangan itu berlaku secara bukan fizikal, namun kesannya boleh dilihat di alam realiti kerana serangan maya itu menyerang

minda manusia. Ia boleh mengubah persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara dan membangkitkan emosinya yang mungkin akan membawa padah yang tidak baik kepada dirinya dan juga kepada masyarakat.

Seringkali aktiviti keganasan ini dikaitkan pelakunya dengan orang Islam, berbeza dengan aktiviti serupa yang dilakukan oleh terhadap orang Islam di Palestine, Kashmir dan Myanmar. Pelaku keganasan itu tidak dianggap sebagai pengganas, sebaliknya, mereka yang mempertahankan tanah air pula dianggap sebagai pengganas. Kajian ini akan cuba membuktikan kewujudan aktiviti maya yang bersifat ganas telah dilakukan menerusi Facebook terhadap Islam.

Salah satu Facebook berkenaan ialah "*Murtads in Malaysia and Singapore*" yang ditubuhkan pada 2012, tetapi sejak November 2014 telah bertukar kepada "*Murtads from Malaysia and Singapore*". Hampir setiap hari Facebook ini membuat posting menyerang Islam yang boleh merosakkan kefahaman tentang Islam dengan pendekatan yang sangat emosi. Artikel ini akan menganalisis topik serangan yang seringkali mereka sasarkan dalam Facebook berkenaan.

KONSEP CYBERTERROR

Cyberterror terdiri dari dua perkataan iaitu "*cyber*" dan "*terrorism*". *Cyber* bermaksud sebuah alam semesta yang baru, dunia yang bersifat maya dan terbuka, diwujudkan oleh teknologi komputer serta talian komunikasi dunia (Michael, 1991). Manakala *terrorism* adalah sebarang perlakuan yang berbentuk keganasan, serangan, pencerobohan dan tingkah laku permusuhan yang digunakan untuk melakukan kekejaman. Kegiatan keganasan merupakan asas kepada semua perlakuan ini kerana *cyber* merupakan tempat perbuatan itu dilakukan. Sekiranya tanpa pelaku, maka tiadalah keganasan. Ia merupakan suatu istilah yang tidak disepakati oleh para sarjana kerana perbezaan mengikut penemuan masing-masing tentang motif keganasan yang wujud dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Kepelbagaian ini turut wujud kerana pihak yang terbabit mempunyai persepsi yang berbeza-beza mengenai keganasan (Schmid, 1983).

Muhammad Qutb (2000) berpandangan bahawa golongan ini wujud bukan disebabkan oleh faktor ajaran agama terbabit tetapi ia merupakan masalah individu yang tidak boleh bersederhana dalam mendepani urusan yang berkaitan agama. Golongan ini dikenali sebagai pelampau agama ataupun ekstremis kerana bersikap keterlaluan, menggunakan pendekatan ketat dan keras dalam berinteraksi dengan pandangan yang berbeza dan mempunyai batasan yang telah ditentukan oleh agama. Menurut Yusuf al-Qaradawiyy (2004), tindakan keganasan yang dilakukan oleh orang Islam boleh berpunca dari enam sebab iaitu taksuf dengan pendapat tertentu, suka mengerjakan yang susah, melampau yang tidak kena pada tempatnya, keras dan ganas yang tidak bertepatan dengan ajaran agama, bersangka buruk dengan orang lain dan juga sikap cenderung untuk kafir mengkafir.

Golongan ini melakukan serangan terhadap agama ditambah oleh sikap tamak dan terburu-buru untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Sikap hasad, iri hati, marah dan perasaan kecewa juga menyebabkan manusia sanggup melakukan serangan ke atas agama lain dengan menyebarkan fitnah dan memburukkan agama tersebut. Selain itu, tekanan dosa dan kesalahan yang lalu juga menyumbang kepada sikap ekstrem dalam beragama kerana ingin menghukum diri dari dosa dan perbuatan maksiat (al-Zuhayliyy 2009).

Zulkifli & Fikri (2004) menjelaskan bahawa salah faham terhadap agama, perasaan dendam dan tidak puas hati menyebabkan serangan itu berlaku. Salah faham terhadap Islam disebabkan oleh beberapa faktor; pertamanya adalah imej negatif yang telah ditimbulkan oleh pihak gereja sejak daripada abad pertengahan. Kedua, konflik yang berlaku antara Islam dan Barat sepanjang sejarah ditunjukkan dalam hal penaklukan yang saling berganti antara kedua pihak. Ketiga, kejahilan tentang Islam yang berpunca daripada kurang memahami Islam secara mendalam malah para sarjana non-Muslim yang mengkaji tentang Islam juga kurang memahami Islam. Kajian mereka hanya berkisar kepada "Islam sejarah" dan bukan "Islam konseptual". Keempat adalah disebabkan oleh sikap umat Islam sendiri

yang melakukan keganasan atas nama jihad tanpa melihat dengan lebih terperinci konsep jihad yang telah diperintahkan oleh Islam.

Perkataan keganasan ini biasanya disebutkan kepada golongan pelampau agama yang menyerang fahaman dan kepercayaan agama lain di alam maya dan menggunakan interaksi maya untuk menyebarkan fahaman yang salah. Ia tidak digunakan kepada pencuri dan perompak yang biasa, tetapi digunakan kepada mereka yang melakukannya atas motif agama. Ia tidak dilakukan sahaja oleh orang Islam, tetapi ia dilakukan juga oleh bukan Islam.

Definisi Cyberterror

Apabila dikaitkan perkataan keganasan itu dengan *cyber*, ia merupakan suatu jenayah siber yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan boleh mengundang kerosakan dan ancaman dalam dunia maya. Ia berbeza dari keganasan yang melibatkan keganasan fizikal disebabkan usaha mereka yang terlibat memberi tumpuan untuk menyerang sistem maklumat manakala keganasan fizikal pula adalah serangan yang menggunakan senjata dengan tujuan untuk menghancurkan pihak tertentu. Terdapat pelbagai definisi yang dinyatakan oleh para pengkaji.

Menurut Pollit (1998), *cyberterror* merupakan suatu penggunaan yang menyalahi undang-undang kekerasan atau keganasan yang dilakukan oleh seorang individu atau lebih terhadap orang atau harta bagi menakut-nakutkan dengan tujuan untuk mencapai objektif politik atau sosial. Dengan cara ini mereka berharap memperoleh pengaruh yang lebih besar kemudian diakui kewujudannya oleh masyarakat. Manakala menurut Denning (2006), '*cyberterrorism*' merupakan suatu kaedah serangan untuk merosakkan, mengganggu atau memusnahkan sesuatu infrastruktur negara dengan mengawal dan memanipulasi rangkaian komputer. Ia juga merujuk kepada perbuatan atau insiden yang dilakukan di alam siber sama ada dengan menggunakan komputer mahupun peralatan seperti perkakasan dan perisian telekomunikasi.

Menurut James A. Lewis (2002) pula, *cyberterror* adalah golongan yang melakukan sebarang serangan, aktif menyebarkan propaganda dan mencetuskan kontroversi di alam maya. Bagi Introvigne (2005) pula, *cyberterror* adalah penggunaan digital media baru di alam maya secara global yang menyalahi undang-undang, mengugut dengan harta benda serta memaksa kerajaan atau mana-mana persatuan dan organisasi untuk memenuhi matlamat kepentingan peribadi, gerakan, ideologi dan politik. Serangan berkaitan dengan keganasan di alam maya yang dilakukan oleh golongan *cyberterror* ke atas pihak yang tertentu bagi mencapai berbagai matlamat seperti politik dan gerakan keagamaan.

Daripada semua pandangan ini dapat disimpulkan bahawa *cyberterror* merujuk kepada usaha keganasan yang dilakukan secara maya atas motif agama bagi mencapai sesuatu matlamat yang biasanya berkaitan dengan politik. Ia merupakan satu perbuatan ganas secara semantik iaitu secara non-fizikal yang disasarkan kepada orang awam dan harta benda serta ia merupakan bentuk ancaman yang menarik perhatian orang ramai melalui ruang siber yang mencetuskan perasaan panik dan reaksi yang melampau terhadap sasaran. Sikap keterlaluan golongan ini dalam beragama menyebabkan permusuhan, perbalahan, sengketa dan salah faham sesama sendiri serta melibatkan penganut agama lain.

SASARAN SERANGAN TERHADAP ISLAM

Sasaran serangan golongan *cyberterror* di alam maya adalah berkaitan dengan fakta dan aspek agama yang diputarbelitkan bagi mencetuskan perasaan ragu dan curiga terhadap agama tersebut. Oleh kerana itu mereka menjadikan semua maklumat berkenaan agama sebagai alat untuk mencapai motif untuk menyerang agama. Sasaran ini akan dijelaskan oleh pengkaji secara umum dari sudut pandangan agama lain yang menganggap Islam sangat mengancam kedudukan agama mereka. Secara umum, sasaran serangan dalam Islam dapat dikaitkan dengan aspek ketuhanan kenabian, hukum Islam, sejarah dan ajaran Islam yang bertali arus pada zaman moden ini yang dilengkapi dengan pelbagai medium teknologi untuk menyampaikan serangan dan menggoyahkan pegangan umat Islam (al-

Ghazaliyy, 1991). Dalam Islam, fokus serangan golongan *cyberterror* dan pelampau agama boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu aspek akidah, syariah dan serangan pemikiran.

Golongan orientalis Barat sering menjadikan aspek akidah sebagai sasaran serangan kerana mereka menganggap bahawa dengan adanya kebergantungan umat Islam terhadap Tuhan menjadikan kemunduran dan kegagalan sangat sebatian dengan generasi Islam. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), akidah adalah tunjang kekuatan kepercayaan umat Islam dan atas dasar itu terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang ingin meruntuhkan kepercayaan tersebut dan menanam rasa keliru dan curiga terhadap agama. Namun begitu, menurut Muhammad Qutb (2000), Barat dan golongan atheis tidak mempercayai agama dan menjadikan sains sebagai Tuhan.

Mereka yakin sains dan teknologi mempunyai jawapan kepada semua persoalan keajaiban alam dan tidak memerlukan Tuhan yang tidak pasti akan kewujudannya. Ini menyebabkan mereka menggunakan isu keesaan dan kekuatan Allah SWT sebagai bahan ejekan dan hinaan untuk melakukan serangan kepada umat Islam sehingga ke alam maya kerana menurut Sidi Gazalba (1973) dalam konteks *world view*, Barat adalah sebuah peradaban yang mengenyepikan Tuhan dan mengagungkan kebendaan. Perkara ini sangat berkaitan dengan sikap pelampau agama yang turut memperlihatkan kepada umum rasa benci kepada Islam dengan mencerooboh hak sensitivi agama dan mengagungkan teori evolusi berbanding agama dan pegangan akidah kerana rasa percaya kepada agama sudah tiada (Edward Said, 1981).

Selain pegangan akidah kepada Allah SWT, kepercayaan kepada nabi dan kewujudan Rasulullah SAW sebagai pesuruh Allah SWT juga dijadikan sebagai sasaran serangan bagi melemahkan umat Islam. Abdullah Nasih (2004) menegaskan bahawa baginda seringkali dijadikan sebagai salah satu topik untuk menghentam Islam iaitu dengan melakukan serangan ke atas keperibadian, keluarga, dan sejarah hidup Rasulullah SAW. Golongan ini bukan hanya mengingkari risalah yang telah disampaikan iaitu kebenaran Islam, menghina peribadi malah menafikan kewujudan Baginda sebagai nabi terakhir sebagaimana yang dilakukan oleh golongan pelampau agama dan anti hadis. Oleh sebab itu, Wan Mohd Azam (1995) telah menyimpulkan bahawa penyelewengan terhadap akidah yang merangkumi aspek ketuhanan dan kenabian telah menyebabkan umat Islam berdepan dengan cabaran yang sangat hebat ditambah dengan dunia yang semakin maju dan kebenaran Islam sering diperlekeh.

Seterusnya, aspek perundangan Islam juga sering dijadikan sasaran serangan dari sudut keberkesanan dan signifikan hukum Islam untuk dijalankan pada zaman yang serba moden dan canggih. Barat menganggap bahawa golongan manusia yang bertamadun tidak lagi memerlukan garis panduan hukum dalam kehidupan kerana ia akan menghalang perjalanan hidup manusia untuk mencapai kemajuan dan kejayaan. Islam telah menetapkan bahawa hukum yang terkandung dalam al-Quran sebagai garis panduan hidup yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam. Namun Barat menganggap bahawa hukum syariah Islam tidak sesuai dilaksanakan pada zaman sekarang dan hanya relevan dalam kehidupan masyarakat Arab pada zaman dahulu (Indriaty Ismail 1999).

Mereka juga menganggap semua perintah Allah SWT tidak lagi sesuai dengan kehidupan masyarakat moden kerana manusia zaman ini tidak memerlukan agama dan panduan hidup yang dianggap menyekat kebebasan dan kejayaan manusia (Swettenham, 1955). Oleh itu, bagi Gordon (1996), hukum agama ini perlu diubah kepada cara hidup barat termasuklah sistem undang-undang ala Eropah yang menjanjikan kejayaan dan umat Islam perlu menghentikan pegangan kepada agama dan metafizik yang menyebabkan mereka mundur, menjadi bangsa yang kalah dan tidak bertamadun.

Serangan dan keraguan terhadap syariah dilakukan dengan mencipta berbagai teori berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah, dengan mengatakan sumber hukum dalam Islam adalah ciptaan manusia semata-mata (Donald, 1994). Ahmad Kamal (2004) mengatakan bahawa antara sebab pelampau agama menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sasaran serangan dalam Islam adalah kerana mereka mempelajari al-Quran dan al-Sunnah dengan baik akan tetapi memahaminya dengan cara yang sempit dan salah. Asas

metodologi memahami ayat al-Quran haruslah betul dan bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW dan tidak mentafsirkannya mengikut pemahaman sendiri secara zahir tanpa melihat objektif Islam umumnya terhadap akidah dan syariah.

Menurut Salleh (2006), kurang memahami al-Quran menyebabkan salah faham terhadap Islam sebagaimana yang dikatakan oleh Barat bahawa Islam membawa mesej keganasan dan kemunduran menerusi al-Quran agar umat Islam dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan dan faktor kejayaan Islam dalam sejarah juga disebabkan oleh peperangan dan keganasan. Golongan ini berfikir sekular dan anti agama menyebabkan mereka memandang umat Islam tidak perlu mentaati ajaran agama agar bebas melakukan penelitian yang bersifat kritikal terhadap agama dan mengembangkan penggunaan akal (William & Paul, 1952).

Selain akidah dan syariah, serangan pemikiran adalah salah satu cabaran yang sangat besar kepada umat Islam pada zaman ini. Salah satu serangan yang sangat bahaya adalah Barat melihat Islam sebagai agama yang salah dan tidak bertepatan dengan evolusi Darwin yang menganggap bahawa sekular Barat merupakan tamadun kemanusiaan yang paling maju dan tinggi, yang menolak sebarang bentuk ajaran agama (Maryam 1971). Oleh kerana dunia kini dipelopori golongan bukan Islam dan kuasa besar terdiri daripada barisan musuh-musuh Islam, kadang-kala umat Islam berdepan dengan kebuntuan apabila terlalu banyak pihak yang mengeneipkan Islam dan tidak mengambil kira garis panduan hidup yang telah ditetapkan agama ke atas semua umat Islam (Sulaiman Nordin, 1995).

Umat Islam hidup dalam keadaan yang sangat mencabar kerana serangan pemikiran berlaku dalam setiap aspek kehidupan. Pemikiran umat Islam juga dijadikan sasaran dengan mengatakan bahawa pengkajian agama yang bersumberkan hukum wahyu dianggap tidak saintifik yang tidak boleh dibuktikan secara empirikal dan boleh ditangani secara lahiriah dengan pancaindera (Abdul Rahman, 2000). Oleh kerana itu golongan pelampau agama tidak mempercayai perkara ghaib seperti kewujudan syurga dan neraka serta menafikan kebenarannya (Louay Safi, 1998).

Wan Liz (1993) menjelaskan terlalu banyak faktor yang menyumbang kepada serangan pemikiran termasuklah kejahilan umat Islam sendiri dan ditambah dengan ideologi barat yang semakin mencengkam pemikiran masyarakat. Umat Islam pula seakan-akan termakan umpan yang mereka sediakan dan mula mengagung-agungkan ideologi dan kemodenan Barat menunjukkan serangan pemikiran semakin berjaya mencapai motif yang disasarkan. Penetapan Barat dalam mempelajari Islam tidak seharusnya dilakukan sebagai agama wahyu sebaliknya sebagai satu budaya yang dihasilkan oleh masyarakat primitif Timur Tengah juga telah dijadikan satu budaya dalam masyarakat Islam (Shukri Ahmad, 1998). Islam adalah agama yang mundur (Berthold Spuler, 1960), satu pemikiran yang telah diterapkan oleh Barat kepada dunia dalam usaha menafikan sumbangan berharga yang diberikan oleh ajaran Islam ke arah mewujudkan ketamadunan manusia yang sangat bernilai.

Kesimpulannya, sasaran serangan golongan pelampau agama di alam maya adalah sama dengan sasaran mereka di alam realiti sebagaimana yang dilakukan oleh admin laman Facebook "*Murtads in Malaysia and Singapore*" kerana kajian mereka terhadap Islam berteraskan kepada sifat anti Islam yang dipengaruhi oleh semangat Perang Salib (Ahmad Shalaby, 1966), dan kebencian mereka terhadap pengalaman penentangan yang telah dicetuskan oleh masyarakat Islam di tanah jajahan yang berada di bawah penguasaan kuasa Barat (Zakaria Stapa, 1994). Golongan pelampau agama, murtad dan atheis menyerang Islam di alam maya dengan interaksi yang berbentuk hinaan, kejian, cacian, kata-kata nista dan juga kutukan yang menggambarkan kebencian mereka terhadap Islam. Interaksi yang negatif ini ditujukan kepada sasaran serangan yang berkaitan dengan Islam. Ternyata kerana salah memahami Islam menjadikan golongan ini seolah merasa dendam dan kecewa dengan agama dan menyebabkan berlaku serangan bertali arus terhadap Islam di alam maya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kajian kes sebagai metode untuk mengkaji secara holistik terhadap sebuah page Facebook yang menyerang Islam. Metode ini dipilih kerana *cyberterror* itu selalu digunakan terhadap orang Islam tetapi *cyberterror* terhadap Islam belum mendapat perhatian ramai pengkaji. Kebiasaannya, perkataan *terror* ditujukan kepada orang Islam, namun dalam kajian ini, *terror* itu ditujukan kepada pihak yang melawan Islam. Justeru, ia memerlukan kepada *understanding issue* untuk membina landasan teori sebelum suatu kajian yang bersifat kuantitatif dilakukan. Data diambil daripada sebuah page Facebook yang menyerang Islam iaitu Facebook "Murtads in Malaysia and Singapore".

Ia merupakan page FB yang mengumpulkan mereka yang keluar Islam dari Malaysia dan Singapura dan membuka ruang kepada non-Muslims termasuk Muslim untuk berinteraksi dalam page ini. Ia mula beroperasi pada 29 Oktober 2012 dan pada ketika ini (iaitu pada 7 November 2014) terdapat seramai 551 *like*. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada laman ini, objektif utama laman murtad ini dibangunkan adalah untuk menjadikan sistem sokongan moral kepada mereka yang telah murtad daripada Islam di Malaysia dan Singapura serta mewujudkan perbincangan terbuka kepada perkara berkaitan persoalan murtad di dua negara berkenaan, perkara berkaitan Islam dan juga berkaitan dengan Melayu. Ia membincangkan berbagai isu yang berkaitan agama Islam dan Kristian secara lantang menyebabkan respon dan komen yang diterima menggunakan laras bahasa yang kasar.

Posting yang dikemukakan oleh admin menyentuh berbagai isu sensitif agama menyebabkan siberis yang lain turut menyatakan kekecewaan mereka terhadap admin serta ada yang menyokong dengan memberikan tambahan juga dalam laras bahasa yang kasar. Dengan menggunakan nama grup murtad, ia membayangkan bahawa grup ini mengumpulkan mereka yang telah keluar daripada Islam atau yang kecewa dengan Islam. Kumpulan mereka tidak sekadar disertai oleh mereka yang sudah murtad, tetapi ia turut disertai oleh mereka yang beragama Islam dan mungkin juga orang yang tidak beragama mahupun orang bukan Islam.

The screenshot shows a Facebook interface. At the top, the page name is "Murtads in Malaysia and Singapore". Below the navigation bar, there's a "world news" banner. The main content is a news article titled "Allow Muslims to convert if they choose to: PM Abdullah". The article text is partially obscured by a large red prohibition sign (a circle with a diagonal slash) over the word "Allah". The article discusses Prime Minister Abdullah Ahmad Badawi's stance on Muslims leaving Islam. To the right of the article is a profile picture of a woman, identified as Ms. Revathi Masoosai. Below the article, there are interaction buttons: "Like", "Follow", "Message", and a dropdown menu. At the bottom of the post, it says "6,346 likes · 610 talking about this".

Laman Facebook Murtads in Malaysia and Singapore

DAPATAN KAJIAN

Analisis telah dilakukan terhadap laman sosial “*Murtads in Malaysia and Singapore*” dalam tempoh dua bulan mulai 1 Mac 2013 sehingga 30 April 2013. Ia dilakukan terhadap setiap posting dan komen berdasarkan kepada pembahagian isu-isu. Untuk melancarkan analisis terhadap serangan anti Islam dalam group itu, enam item yang telah dibangunkan sebagai kerangka analisis. Item ini dibangunkan hasil daripada penelitian terhadap posting dan komen-komen dalam laman sosial ini yang dikaitkan dengan serangan terhadap Islam. Item itu adalah seperti berikut: Islam menggalakkan keganasan, hukum Islam yang bersifat kejam, penghinaan terhadap agama Islam, penghinaan terhadap Allah SWT, penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW, dan penghinaan terhadap al-Quran. Dalam tempoh dua bulan itu, terdapat sebanyak 168 posting yang telah dianalisis dan dapatannya seperti berikut:

Bil	Isu	Jumlah	%
1.	Islam mendorong keganasan	6	3.6
2.	Hukum Islam kejam	32	19.0
3.	Penghinaan terhadap Islam	75	44.6
4.	Penghinaan terhadap Allah	35	20.8
5.	Penghinaan terhadap al-Quran	15	8.9
6.	Penghinaan terhadap Rasulullah	5	3.0

Jadual di atas menunjukkan kekerapan isu-isu yang menjadi serangan kumpulan murtad. Kelihatan serangan terhadap agama Islam yang menunjukkan jumlah yang tertinggi diikuti oleh penghinaan terhadap Allah SWT, hukum Islam yang bersifat kejam, penghinaan terhadap Rasulullah SAW, Islam mendorong ke arah keganasan dan penghinaan terhadap al-Quran adalah yang paling rendah dan sedikit serangan yang dilakukan. Berikut adalah penjelasan lebih lanjut bagi setiap isu-isu yang diserang.

Islam Agama Mendorong Keganasan

Sejak zaman orientalisme lagi (Edward Said, 1988), imej Islam dipaparkan dalam media secara negatif dan seringkali dikaitkan dengan keganasan. Perancangan ini bukan lagi suatu rahsia tetapi ia merupakan suatu yang jelas apatah lagi selepas peristiwa 11 September. Beberapa tokoh mendapati imej ini sengaja diwujudkan bagi mewujudkan gelombang yang menolak Islam kerana ia membawa pendekatan kekerasan dan tidak boleh bertolak ansur (Mahathir, 1998). Memang ada di kalangan orang Islam yang melakukan keganasan tetapi ia tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan kepercayaan agama kerana ramai lagi orang Islam lain yang tidak terlibat dengan keganasan. Begitu juga dengan sebahagian penganut agama lain yang melakukan keganasan tetapi tidak dikaitkan dengan agama. Namun, terdapat kesengajaan untuk mengaitkan Islam dengan keganasan termasuklah kewujudan *Islamic State in Iraq and Syiria* (ISIS) yang dipercayai untuk memberikan imej yang negatif kepada mana-mana kumpulan yang memperjuangkan kewujudan negara Islam.

Analisis mendapati sebanyak 3.6% posting dalam Facebook ini yang menyentuh tentang Islam sebagai agama yang mendorong keganasan. Jumlah ini kedua yang tersedikit daripada keseluruhan sampel posting dalam tempoh kajian ini dijalankan. Ini mungkin kerana isu ini bukanlah suatu yang terpenting pada masa itu biarpun keganasan merupakan isu yang banyak juga dibincangkan khasnya selepas 11 September. Malah sejak zaman orientalis lagi Islam dikaitkan dengan agama yang berkembang dengan mata pedang dan jihad dianggap sebagai *the holy war*. Namun, untuk mempengaruhi pembaca ia memerlukan kepada pembuktian yang rasional bagi menjustifikasikan Islam mendorong keganasan. Kebanyakan posting dikategorikan dalam aspek ini menyentuh aspek kehidupan yakni asas agama yang terkandung dalam ajaran Islam terutama yang berkaitan hukum. Ajaran yang terdapat dalam agama Islam dikatakan mengajar kebencian dan keganasan disebabkan pemahaman yang cetek terhadap Islam.

Didikan Islam bagi mereka adalah untuk memupuk kebencian dan melakukan keganasan apabila golongan seperti mereka perlu dibunuh kerana telah terkeluar dari ajaran yang sebenar. Alasan ini digunakan bahawa Islam membenarkan membunuh orang sesuka hati dan halal bunuh-membunuh apabila dihina. Bahkan jihad dalam Islam juga dikatakan satu bentuk latihan dan persiapan ketenteraan yang dilakukan untuk melatih pengganas. Dalam aspek lain pula, Islam dikatakan ganas kerana ideologi kepercayaan mereka yang mengatakan bahawa serangan yang dilakukan oleh orang Islam adalah untuk menonjolkan agama Islam adalah agama yang mengutamakan kekerasan (*terror*) yang harus ditakuti. Pandangan mereka selari dengan Barat yang turut mengambil kesempatan melabelkan golongan militan Islam dan ekstremis sebagai pengganas dan mengaitkan kegiatan pengganas sebagai suatu yang bermotifkan politik.

Hukum Islam Kejam

Dakwaan hukum Islam sebagai hukum yang kejam merupakan suatu propaganda yang sengaja dibuat untuk membina persepsi yang buruk terhadap Islam. Emosi manusia mudah dimanipulasi apabila melihat pelaksanaan hukum hudud di khalayak dengan pelaksanaan yang tidak menepati piawaian syariah. Begitu juga kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran Islam yang membawa kepada kecacatan di dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Memang terdapat kelemahan dalam pelaksanaan dan tidak kurang juga membuat tafsiran yang salah tentang Islam tetapi itu tidak bermakna Islam itu kejam. Pelaksanaan yang adil dengan cara yang betul akan membawa rahmat kepada masyarakat.

Analisis mendapati isu ini merupakan antara isu yang popular dalam serangan terhadap Islam dan ia mendapat 19% daripada keseluruhan posting. Ini bermakna isu ini mendapat tempat di kalangan para siberis murtads untuk tujuan perbincangan. Antara isu yang dibangkitkan ialah mempersoalkan beberapa amalan yang disyariatkan kepada umat Islam seperti pemakaian bagi wanita; tidak berpuas hati dengan prosedur untuk melakukan penceraian kerana diskriminasi antara lelaki dan wanita, hukum Islam kejam seperti potong tangan, persoalan tentang hukuman rogol, bunuh dan hukuman murtad. Ini termasuklah kegagalan Islam dalam membela wanita. Pemahaman mereka yang tidak jelas mengenai hal yang berkaitan dengan wanita menyebabkan mereka menimbulkan isu bahawa ajaran Islam telah merendahkan martabat wanita.

Malah, dapat dilihat penghinaan terhadap hukum dijadikan sasaran serangan dan penghinaan terutama dari sudut keberkesanan dan signifikan hukum Islam untuk dijalankan pada zaman serba canggih dan moden ini. Bagi mereka, hukum Islam hanya sesuai di zaman nabi dan tidak sesuai zaman kini. Dapatan ini memberi gambaran bahawa beberapa isu yang menjadi penghinaan mereka menunjukkan ketidakpuasan hati mereka dengan hukum yang telah ditetapkan syariat Islam.

Penghinaan Terhadap Islam

Penghinaan merupakan kata-kata yang memberi malu, mencela, mencerca, merendahkan dan memperlekehkan yang biasanya diungkapkan secara emosi (Kamus Dewan, 2005). Penghinaan terhadap Islam bertujuan untuk merendahkan taraf agama Islam dan ingin memberikan imej buruk kepadanya, malah ingin menimbulkan lagi kebencian terhadapnya. Pendekatan yang dilakukan secara emosi berbanding dengan memberikan hujah yang rasional tidak memberikan hasil yang positif biarpun ia memparkan imej yang benar, tetapi ia masih bersifat *half truth*. Ia akhirnya akan menimbulkan lebih banyak salah faham tentang ajaran Islam dan hanya menjelaskan imej umat Islam, tetapi ia bukanlah dari ajaran Islam.

Analisis mendapati bahawa item ini merupakan yang terbanyak sekali dilakukan iaitu 44% atau hampir separuh daripada keseluruhan sampel kajian. Ini mungkin kerana ia sesuatu yang mudah dilakukan tanpa memerlukan kepada rasional yang kuat. Cukup dengan kata-kata emosi dan bersama gambar yang mungkin betul atau diubah bagi memburukkan lagi Islam. Pelbagai cacian dan cercaan yang ditujukan kepada umat Islam khususnya dan agama Islam amnya seperti menghina Islam sebagai agama yang mundur

dan penganutnya miskin, tidak berfikiran terbuka, terlalu ikutkan agama, tidak menghormati agama lain, terlalu 'syok sendiri' untuk mengatakan hanya agama mereka sahaja yang betul.

Anggapan mereka terhadap umat Islam adalah adanya kebergantungan terhadap Tuhan menjadikan kemunduran dan kegagalan kepada generasi Islam. Begitu juga mereka mengatakan bahawa agama Islam adalah samseng, agama Islam hanyalah ciptaan manusia dan ajaran yang menyesatkan. Mereka mempertikaikan kebaikan Islam kerana pandangan mereka Islam mengajar umatnya membunuh orang dan memaksa orang lain memeluk Islam. Analisis juga mendapati penghinaan dilakukan melalui lukisan ilustrasi dan kartun dengan melabel sifat-sifat negatif dan buruk yang bertujuan menimbulkan fitnah amnya kepada Islam dan khususnya terhadap umat Islam. Penghinaan juga dilakukan bukan sekadar melalui gambar, kata-kata dan ilustrasi bahkan dengan menggunakan video. Penghinaan melalui bentuk ini dilakukan mereka dengan menyediakan link atau pautan laman web yang menyiarkan video yang menunjukkan penghinaan terhadap Islam.

Penghinaan Terhadap Allah

Penghinaan terhadap Allah dilakukan kerana ia merupakan tonggak terpenting dalam Islam. Tonggak ini perlu diserang kerana kejayaan memanipulasikan emosi menerusi serangan diharapkan boleh menjauhkan penganut agama lain dari Islam dan menimbulkan lagi kebencian terhadap Islam. Paling tidak, ia boleh memberikan salah faham dan persepsi yang salah tentang konsep ketuhanan Islam. Penghinaan ini bertolak daripada sifat Allah yang tidak dapat dicapai oleh mata kasar manusia yang menyebabkan manusia yang materialis tidak dapat menanggapinya. Ia boleh mudah untuk mempengaruhi orang khususnya mereka yang materialis untuk tidak percaya atau meragukan mereka.

Analisis melalui pautan laman ini mendapati 20.8% penghinaan yang dilakukan terhadap Allah SWT. Pelbagai hinaan yang telah ditujukan kepada Allah SWT dengan mengatakan bahawa Allah SWT adalah mitos ciptaan Muhammad malah mengatakan Allah SWT tidak adil dan tidak pernah adil. Mereka juga mengatakan bahawa Allah SWT tidak mampu untuk melakukan apa-apa tindakan terhadap mereka. Ini kerana Allah SWT telah mengetahui mengapa dan kenapa kumpulan ini melakukan semua perkara ini dan Allah SWT telah merestui dan tidak kisah apa yang mereka lakukan disebabkan Allah SWT adalah Maha Mengetahui. Mereka juga mengatakan bahawa tuhan yang dipercayai haruslah tuhan yang tidak terminta-minta untuk disembah (bukan ciri-ciri tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Penyayang).

Dalam aspek lain, mereka mempersoalkan kenapa orang Islam perlu pancung kepala orang lain semata-mata nak membela Allah dan jelas kelihatan bahawa Allah SWT tidak mempunyai kuasa sehingga perlu dibela. Penggunaan kata-kata yang kesat bagi menggambarkan sifat ketuhanan, menidakkan kewujudan dan kebesaran Allah SWT juga menunjukkan satu penghinaan golongan ini yang menunjukkan mereka menggunakan isu keesaan dan kekuasaan Allah SWT sebagai bahan ejekan dan penghinaan dalam mereka melakukan serangan.

Penghinaan Terhadap Rasulullah

Penghinaan dan kritikan terhadap Rasulullah dilakukan untuk menimbulkan kebencian terhadap ikon yang terpenting dalam dunia Islam. Ia secara tidak langsung akan memberikan suatu gambaran yang buruk terhadap Islam. Malahan fitnah dan fakta yang diputar belit sengaja dilakukan bagi tujuan penghinaan dan memalukan Islam itu sendiri. Selain itu, sifat Rasulullah sebagai manusia, maka semua yang berkaitan dengan Rasulullah itu sengaja dimanipulasi untuk membuktikan bahawa baginda merupakan orang biasa yang tidak mempunyai apa-apa kelebihan.

Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 3.0% posting dan komen yang berunsurkan penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW dilakukan oleh kumpulan murtad ini. Peratusan penghinaan terhadap topik ini adalah paling rendah bukanlah disebabkan isu-isu yang dikemukakan tidak mendapat tentangan pengunjung laman, akan tetapi tidak diberi penekanan oleh admin untuk dibincangkan. Hasil analisis mendapati, pelbagai bentuk penghinaan dapat dilihat sama ada melalui gambar, imej dan ilustrasi kartun terutama yang

berkaitan dengan peribadi, keluarga dan sejarah hidup Baginda dipaparkan melalui laman mereka. Antara gambar-gambarnya ialah gambar yang menunjukkan Rasulullah SAW di samping isteri-isteri Baginda, lakaran ilustrasi agama Islam merupakan satu acuan daripada Rasulullah SAW dan sebagainya. Malah, mereka juga mencipta dialog yang menghina sifat kenabian dengan ungkapan Nabi Muhammad SAW dikatakan sebagai kaki kelentong, buta huruf, individu yang mencipta al-Quran dan sebagainya. Rasulullah SAW dikatakan berpogami menandakan seorang yang kuat nafsu.

Alasan ini mereka perkukuhkan dengan memberi bukti bahawa perkahwinan Nabi dengan Aisyah RA yang dianggap masih kecil adalah kerana ingin memuaskan nafsu semata-mata. Mereka juga sengaja memutarbelitkan fakta berkenaan sirah Rasulullah SAW. Nabi Muhammad SAW juga dikatakan tidak dapat memberi syafaat terhadap ibu, datuk dan bapa saudaranya yang menyayangi dan menjaga ketika baginda membesar dan mustahil untuk Nabi Muhammad SAW ingin memberikan syafaat kepada umatnya yang langsung tidak dikenali. Penghinaan demi penghinaan yang dilakukan ini menggambarkan kebencian golongan ini terhadap pesuruh Allah SWT dan tindakan mereka ini sengaja untuk mengundang kemarahan umat Islam.

Penghinaan Terhadap al-Quran

Al-Quran mengandungi undang-undang dan peraturan daripada tuhan untuk mengatur kehidupan manusia. Keistimewaan al-Quran ini ditambah pula dengan sifatnya sebagai mukjizat menyebabkannya menjadi tumpuan kepada musuh Islam untuk merendharkannya. Begitu juga, al-Quran merupakan kitab yang sangat sedikit mendapat kritikan dari sudut keaslian berbanding dengan kitab agama yang lain. Namun, masih terdapat musuh Islam yang cuba meragukan keagungan dan kelebihan al-Quran. Oleh kerana mereka tidak mampu membuktikan secara rasional, maka mereka cuba menggunakan pendekatan emosi untuk memperlekehkan ayat-ayat, hujah-hujah dan apa yang terkandung dalam al-Quran.

Analisis mendapati sebanyak 8.9% posting yang menyentuh tentang penghinaan terhadap al-Quran. Pemahaman al-Quran dengan cara yang sempit dan salah menyebabkan golongan ini melakukan penghinaan. Penghinaan terhadap al-Quran dapat dilihat dengan dakwaan kumpulan murtad ini bahawa Nabi Muhammad SAW sendiri yang menciptakan al-Quran supaya sesuai dengan hukum-hukum dan undang-undang yang dimahukannya. Disebabkan perkara demikian, mereka mempertikai kandungan ayat-ayat suci al-Quran. Al-Quran dikatakan buku cerita dongeng kerana apa yang terkandung di dalamnya adalah tidak logik dan segala yang ada adalah tidak konsisten.

Hujah-hujah yang diberikan oleh sesiapa yang cuba berhujah dengan mendatangkan ayat al-Quran akan ditolak dengan mudah oleh mereka kerana mereka hanya berfikir berdasarkan logik pemikiran dan ayat-ayat al-Quran hanya dijadikan sebagai cercaan oleh mereka. Ilmu-ilmu saintifik yang terdapat dalam al-Quran juga semuanya dikatakan merepek dan banyak salah. Penghinaan terhadap al-Quran juga dilakukan kerana al-Quran merupakan tunjang rujukan dalam agama dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan umat Islam dan masyarakat lain terhadap Islam. Tindakan yang melampaui batas dan keterlaluan yang dilakukan golongan ini seperti gambar al-Quran yang diletakkan dalam bilik air, al-Quran yang dipijak dan sebagainya.

KESIMPULAN

Dalam zaman ledakan maklumat, kita mesti akur bahawa imej Islam yang tersebar secara meluas melalui media massa terutama melalui internet, tidak hanya memaparkan imej ajaran Islam yang sebenar namun ada juga cubaan memburukkan imej Islam oleh musuh-musuh Islam yang boleh menimbulkan lebih banyak salah faham tentang ajaran Islam yang sempurna. Oleh kerana itu, interaksi dalam aktiviti harian dan dialog perlu diadakan bagi memperjuangkan kebenaran dan memperbetulkan persepsi yang salah terhadap Islam yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam dapatan kajian ini, penghinaan terhadap Islam, Allah dan hukum Islam kejam mendapat tumpuan utama di dalam facebook ini. Ini jelas bahawa serangan terhadap Islam

berlaku secara maya dan *cyber terror* itu bukanlah semestinya dikaitkan dengan orang Islam. Malahan dilakukan oleh musuh Islam terhadap Islam. Justeru, komuniti global dunia kini perlu lebih cenderung berbicara mengenai hubungan antara agama dan berusaha mencari titik persefahaman antara penganut agar perjuangan agama dapat diteruskan dalam interaksi yang berbentuk rasional dan lebih harmoni.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat Dan Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Ahmad Kamal. 2004. *Bahaya Pelampau Agama*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ahmad Shalaby. 1966. *Masyarakat Islam*. (Terj). Mukhtar Yahya. Singapore.
- al-Ghazaliyy, Muhammad. 1991. *Kayfa Nafhamu al-Islam*. Al-Iskandariyyah: Dar al-Da'wah
- al-Qaradawiyy, Yusuf. 2004. *Panduan Memahami Syariat Islam* (Terj.). Batu Caves Selangor: Pustaka Ilmi.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 2009. *Kesan Ekstremis Terhadap Umat Islam*. Terj. Basri Ibrahim. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Bertold Spuler. 1960. *The Muslim World: a Historical Survey*. Leiden: E.J. Brill.
- Denning, D. E. 2006. A View of Cyberterrorism Five Years Later. Dlm. K. Himma (pnyt). *Readings in Internet Security: Hacking, Counterhacking, and Society*, hlm. 123-140. Boston: Jones & Bartlett Publishers.
- Donald L. Horowitz. 1994. The Quran and the Common Law: Islamic Law Reform and the Theory of Legal Change. *The American Journal of Comparative Law*, 42: 233-293.
- Edward Said. 1981. *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine How's we See the Rest Of The World*. London: UCI Libraries.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. Cabaran-cabaran Semasa Umat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Agama. *Journal of Social Administration*, 4: 39-57.
- Swettenham, F. Althelstane. 1955. *About Perak*. Singapore: Straits Times Press.
- Gordon D. Newby. 1996. Muslim/Non-Muslim Relations: Lesson From The Past For A Better Future. Dlm. Aidit Haji Ghazali dan M. Zain Karim (pnyt). *Development, Islamic, Malaysian and American Perspectives*. Kuala Lumpur: INMIND.
- Indriaty Ismail. 1999. Antara Media dan al-Quran: Pengaruh dan Kesan dalam Pembentukan Peribadi Masyarakat Islam Malaysia Masa Kini. Dlm Muda @ Ismail Abdul Rahman (pnyt). *Cabaran Islam Di Abad Ke-21*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- James A. Lewis. 2002. *Assessing the Risk of Cyber Terrorism, Cyber War and Other Cyber Threats*. Washington: Centre for Strategic and International Studies.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi Baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Louay Safi. 1998. *Asas-asas ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Terj. Nur Hadi Ihsan. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mahathir, M. 1998. Tolerance and moderation in Islam. Keynote address delivered at al-Azhar University, Cairo, 10 May.
- Maryam Jameelah. 1971. *Islam and Orientalism*, Lahore: Sant Nagar.
- Muhammad Qutb. 2000. *Salah Faham Terhadap Islam*. Kuwait: International Islamic Federation of Student Organization.
- Michael Benedikt. 1991. *Introduction to Cyberspace: First Steps*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Pollitt, M. M. 1998. Cyberterrorism-fact or fancy?. *Computer Fraud & Security*, 1998 (2), 8-10
- Schmid, A. 1983. *Political Terrorism*. New Brunswick: Transaction Books.
- Salleh Buang. 2006. Sikap dan Peranan Umat Islam Dalam Menghadapi Cabaan Semasa. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Simposium Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa*, Putrajaya Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Shukri Ahmad. 1998. *Agama dan Masyarakat*. Dlm. Sekolah Pembangunan Sosial, UUM (pnyt). Pengenalan kepada Sains Sosial, hlm. 194-195. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Swettenham, F. Althelstane. 1893. *About Perak*. Singapore: Straits Times Press.
- Ulwan, Abdullah Nasih. 2004. *Pemuda Muslim dalam Menghadapi Cabaran Masa Kini* (Terj). Jakarta: Sunan.
- Sidi Gazalba. 1973. *Modenisasi dalam Persoalan Bagaimana Sikap Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Sulaiman Nordin. 1995. *Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Liz Othman Wan Omar. 1993. Membentuk Bangsa yang Berperibadian Besar. Dlm *Dewan Masyarakat* Dis: 1993.
- Wan Mohd Azam Mohd. Amin. 1995. Penyelewengan Akidah dalam Kehidupan. Dlm *Dakwah* Bil. 214: Julai 1995 (4).
- Wilfred Cantwill Smith. 2004. *Islam in Modern History*. McGill University: Princeton University Press.
- William, J. Goode & Paul, K. Hatt. 1952. *Methods in Social Research*. Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha.
- Zakaria Stapa. 1994. *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Seri Kembangan Publisher.
- Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff & Fikri Mahmud. 2004. Islam dan Imej Keganasan: Satu Analisa tentang Prinsip Jihad dalam al-Quran. Dlm Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang dan Kamaruddin Salleh (pnyt). *International Seminar on Islamic Thoughts*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. UKM.